

# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## 1.1 Latar belakang

1.1.1 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. 1Malaysia dibina berdasarkan beberapa nilai penting yang menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.

1.1.2 Malah 1Malaysia bukan satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan terutamanya bagi menjamin kestabilan Negara. Kestabilan tersebut akan mampu mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi kepada rakyat dan Malaysia.

1.1.3 Aspek pembangunan belia pula, melalui Kementerian Belia dan Sukan, Kerajaan Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi bagi membangunkan golongan belia secara holistik termasuklah dari aspek sukan. Antara komitmen tersebut ialah membelanjakan RM5,461.5 juta dalam RMKe-9 bagi tujuan pembangunan belia.

## 1.1.4 Objektif kajian

1. Menghuraikan kepedulian belia Bario terhadap konsep 1Malaysia.
2. Mengenal pasti kefahaman belia Bario terhadap gagasan 1Malaysia.
3. Mengenal pasti persepsi belia Bario terhadap konsep 1Malaysia.
4. Mengenal pasti penerimaan belia Bario terhadap gagasan 1Malaysia.
5. Mengenal pasti modal sukan belia Bario.
6. Mengenal pasti dorongan serta halangan belia Bario untuk terlibat dalam sukan.
7. Menghuraikan penyertaan belia Bario dalam pembangunan komuniti Bario.

## 20 METODOLOGI KAJIAN

2.1.1 Kajian ini dijalankan dengan menggunakan campuran kaedah iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh dari borang soal selidik yang dibentuk khas oleh penyelidik. Manakala pendekatan kualitatif diaplikasikan melalui pelaksanaan aktiviti temu bual mendalam (*in-depth interview*).

2.1.2 Kajian ini telah memperoleh responden seramai 352 orang. Jumlah tersebut agak kurang dari rancangan asal atas pelbagai faktor termasuklah faktor migrasi golongan belia ke kawasan bandar.

2.1.3 Di antara aspek yang disentuh dalam instrumen kajian ialah sikap ambil berat mereka terhadap gagasan 1Malaysia, persepsi serta pengamalan konsep-konsep yang terdapat dalam gagasan 1Malaysia. Selain itu, aktiviti tersebut juga melibatkan persoalan potensi sukan dan keperluan pembangunan dalam kalangan belia Kelabit di Bario. Manakala bagi pendekatan kualitatif, protokol temu bual dibentuk berdasarkan instrumen kajian yang mana hasil kajian.

2.1.4 Data kuantitatif akan dianalisis dengan perisian komputer SPSS. Analisis tersebut melibatkan penggunaan aplikasi statistik deskriptif. Manakala data kualitatif dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *QSR NVivo*. Data dianalisis dengan membina tema (*nodes*) dan koordinasi data yang berkaitan.

## 3.0 HASIL KAJIAN

3.1 Kemudahan asas dan kemudahan fizikal di Bario telah disediakan dengan baik. Malah belia Bario menganggap bahawa ia memberi manfaat kepada mereka. Sungguhpun belia Bario menyatakan beberapa kemudahan asas dan fizikal dalam kampung telah disediakan, namun penyediaan kemudahan tersebut tidak menyeluruh dan tidak mencukupi. Mereka memerlukan kemudahan tersebut bagi mengadakan

aktiviti yang bermanfaat untuk diri dan kampung mereka. Dalam masa yang sama, kemudahan tersebut diperlukan bagi manfaat dan pengembangan potensi sukan yang dimiliki mereka. Belia Bario rata-ratanya memiliki aplikasi ICT seperti komputer, Internet dan telefon bimbit. Mereka juga mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi tersebut, malah menggunakannya dalam kekerapan yang agak tinggi.

3.2 Kajian juga menunjukkan belia Bario mempunyai kepedulian yang tinggi terhadap gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Malah, kajian turut menunjukkan bahawa belia Bario mengetahui perkara asas berkenaan gagasan 1Malaysia. Belia Bario mempunyai kefahaman yang sangat baik berkenaan dengan tujuan dan matlamat pengenalan gagasan 1Malaysia kepada masyarakat. Mereka juga menolak unsur negatif yang sering diuar-uarkan dalam masyarakat berkenaan pengaplikasian gagasan 1Malaysia. Ini membuktikan bahawa mereka mempunyai kefahaman yang baik berkenaan gagasan 11Malaysia.

3.3 Secara umumnya belia Bario mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan gagasan 1Malaysia. Mereka percaya bahawa pelaksanaan gagasan 1Malaysia akan memberi kesan yang baik kepada mereka dan masyarakat lain dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian konteks di Malaysia. Sementara itu, belia Bario mengamalkan gagasan 1Malaysia dalam tahap yang sederhana. Namun demikian, nilai dan konsep yang ada dalam gagasan 1Malaysia telah pun diamalkan oleh belia Bario dalam kehidupan seharian mereka.

3.4 Belia Bario banyak memperoleh maklumat berkenaan gagasan 1Malaysia dari sumber media elektronik dan cetak. Belia Bario juga telah memperoleh maklumat dari aplikasi ICT seperti Internet. Terdapat pelbagai sumber lain yang membolehkan belia Bario memperoleh maklumat berkenaan gagasan 1Malaysia termasuklah dari sekolah, individu dan media cetak yang lain.

3.5 Berkenaan kemudahan sukan di kawasan mereka, kajian menunjukkan kemudahan tersebut adalah tidak mencukupi meskipun kawasan mereka mempunyai kawasan yang sesuai untuk mengadakan aktiviti sukan. Selain itu, belia Bario turut menunjukkan minat untuk terlibat dengan aktiviti sukan, malah mereka menyatakan sukan adalah perlu dalam kalangan belia Bario. Belia Bario mempunyai pengetahuan dalam pelbagai jenis sukan dan mereka turut mempunyai kemahiran dalam sukan terbabit. Ini menunjukkan belia Bario mempunyai potensi untuk mahir dalam sukan sebagaimana masyarakat lain juga.

3.6 Kajian mendapati bahawa belia Bario menyedari kepentingan penubuhan dan kewujudan kelab / persatuan dalam komuniti mereka termasuklah kemampuannya untuk menyelesaikan masalah serta mewujudkan perpaduan dalam masyarakat. Dalam masa yang sama, belia Bario mempunyai persepsi yang positif kepada penubuhan kelab atau persatuan belia. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa halangan bagi menubuhkan kelab tersebut antaranya ialah kurang maklumat dan kurang sokongan kewangan bagi tujuan tersebut.

3.7 Belia Bario menunjukkan mereka berminat dengan perusahaan yang mempunyai kaitan dengan persekitaran mereka. Mereka menunjukkan minat untuk memanfaatkan potensi yang ada dalam komuniti mereka. Terdapat pelbagai bentuk organisasi yang boleh disertai oleh belia di Bario termasuklah kelab sukan, persatuan belia dan rukun tetangga. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan penyertaan belia Bario dalam organisasi tersebut adalah rendah. Penglibatan belia Bario dalam aktiviti kampung termasuklah bagi aktiviti membangunkan kampung mereka adalah rendah.

3.8 Belia Bario sentiasa memikirkan untuk membangunkan komuniti mereka. Namun demikian, ia tidak selari dengan keupayaan belia Bario untuk membangunkan komuniti mereka. Ini kerana mereka tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak untuk komuniti mereka. Belia Bario inginkan perubahan dalam hidup mereka, malah mereka menyatakan bahawa mereka kini sedang proses

berubah. Meskipun demikian, terdapat juga belia Bario yang gagal berubah meskipun pernah cuba untuk berubah.

#### 4.0 KESIMPULAN

4.1 Belia Bario mempunyai keprihatinan yang baik terhadap gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa mereka cakna dengan perkembangan yang berlaku dalam negara terutamanya berkenaan dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh kerajaan.

4.2 Selain itu, belia Bario turut menunjukkan reaksi positif yang dimanifestasikan melalui persepsi mereka. Namun demikian, terdapat juga persepsi yang negatif timbul dalam kalangan belia Bario. Selain itu, berkenaan dengan kefahaman terhadap gagasan 1Malaysia, belia Bario dapat memahami gagasan 1Malaysia dengan baik. Malah mereka turut telah mengamalkan gagasan 1malaysia dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini menunjukkan kebolehtenerimaan mereka terhadap gagasan 1Malaysia. Malahan mereka menyatakan bahawa mereka lebih 1Malaysia berbanding masyarakat lain kerana sikap keterbukaan mereka pada etnik lain tanpa ada perasan prejudis.

4.3 Berkenaan keperluan pembangunan belia Bario, banyak pembangunan yang perlu dilakukan. Ini kerana mereka mempunyai potensi dalam sukan dan berkeupayaan untuk membangunkan komuniti mereka. Namun, potensi dan keupayaan tersebut dihalang oleh beberapa hambatan yang menggagalkan usaha murni tersebut. Antaranya ialah kekurangan kemudahan asas seperti padang permainan, dewan aktiviti, gelanggang badminton atau bola tampar, padang bola sepak dan sebagainya. Sedangkan mereka mengakui bahawa mereka mempunyai potensi-potensi dan kemahiran yang berkaitan.

4.4 Berkenaan dengan penyertaan belia Bario dengan aktiviti komuniti dan aktiviti ke arah pembangunan komuniti, kajian menunjukkan penyertaan mereka dalam aktiviti

tersebut adalah rendah. Belia Bario menunjukkan tingkah laku yang kurang aktif dalam komuniti mereka seperti aktiviti kemasyarakatan dan usaha merancang untuk membangunkan kampung.

4.5 Dari aspek yang lain pula, kajian turut menunjukkan belia mempunyai peluang yang rendah dalam usaha untuk menentukan masalah, membuat keputusan dan melaksanakan keputusan. Sedangkan belia Bario mengakui bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian bagi diri dan komuniti mereka. Antara faktornya ialah golongan bukan belia tidak memberi peluang kepada belia untuk turut terlibat dalam aktiviti komuniti terutamanya dalam tindakan membuat keputusan untuk komuniti. Dari perspektif pembangunan komuniti, ia menggambarkan belia Bario belum lagi membangun termasuklah belum lagi berdaya (*empowered*).

4.6 Sungguhpun demikian, belia Bario merupakan golongan yang mudah menerima perubahan kerana mereka menyatakan bahawa mereka dalam proses perubahan malah bilangan belia Bario yang tidak mahu berubah adalah jauh lebih rendah berbanding belia yang ingin berubah.

## 5.0 CADANGAN

5.1 Sebarang perancangan ke atas belia Bario termasuklah memperkenalkan dasar atau polisi baru dan pelan pembangunan merupakan satu usaha yang agak mudah untuk dilaksanakan. Ini kerana mereka mempunyai beberapa kekuatan yang jarang dimiliki oleh komuniti yang berada di kawasan pedalaman di tempat lain. Kekuatan tersebut dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kekuatan manusia dan kekuatan bukan manusia.

5.2 Kekuatan manusia merujuk kepada kemahiran, potensi, sikap dan organisasi dalam kalangan belia Bario. Kekuatan ini sesuai dikategorikan sebagai modal insan dan

modal sosial. Manakala kekuatan bukan manusia ialah kemudahan akses kepada aplikasi ICT, kawasan yang mencukupi dan kemudahan infrastruktur. Kekuatan bukan fizikal tersebut dikategorikan sebagai modal fizikal dan alam semula jadi.

5.3 Kedua-dua kekuatan tersebut dapat digunakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam kalangan belia Bario. Masalah tersebut merangkumi masalah kurang mendapat maklumat berkenaan gagasan 1Malaysia dan keperluan pembangunan belia Bario. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan diberikan dalam dua bahagian yang berbeza.